

Pengurusan Kewangan Berhemah Dan Berhikmah Berteraskan Displin Perakaunan Patuh Syariah - Pengurusan Kewangan Dinar (PKD)

INCHE AZHARY @ SALLEHUDDIN BIN MOHAMED SA'AD^{1,a}

¹K/71, Jalan Sultan Yahya Petra, Kampung Kenali, Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

^asallehuddin.pkd@gmail.com

Kata kunci: PKD, Pengurusan Kewangan Dinar, Displin Perakaunan Patuh Syariah, Ketirisan Bajet, Bajet Belanja Hangus, Belanja Isi Rumah, Pemasaran Kreatif, Modal Berkala Dari Emas, Lestari Hayat Perniagaan, Bebas Hutang, Bebas Hutang Riba, Simpanan Terpaksa, Budaya Penjimatan, Budaya Infak, Infak Berkala, Infak Berkualiti, Penawar Riba, Riba Dalam Jual Beli, Riba Al-Buyu, Budaya Pecah Amanah, Budaya Rasuah.

Keywords: PKD, Dinar Financial Management, Syariah Compliant Accounting Discipline, Budget Leakage, Household Budget Expenditure, Household Spending, Household Debts, Creative Marketing, Periodical Capital, Sustainable Business Life Cycle, Debt Free, Debt Free Riba, Forced Savings, Saving Culture, Donations Culture, Periodic Donations, Quality Donations, Riba Avoidance, Riba In Selling, Riba Al-Buyu, Untrustworthy Culture, Corruption Culture.

Abstrak. PKD adalah aturan gerak kerja terpinpin bagi memenuhi desakan dan aspirasi mereka yang masih mencari atau telah mendapat kesedaran tentang bahana Riba. Tetapi tidak mampu membuat rumusan dan formulasi tersendiri, dalam menyelesaikan tekanan kewangan yang sedang mereka hadapi. PKD memanfaatkan kelebihan ICT dalam menganalisa tahap tanggungan dan ketirisan bajet bagi memastikan apa jua sasaran yang ditetapkan, mampu di atasi secara terampil dan tuntas tanpa melibatkan pertambahan kos pelaksanaan. PKD menyediakan jalan keluar unik dari tanggungan ansuran hutang bulanan hingga mampu menutup sebahagian besar tanggungan kos perbelanjaan operasi perniagaan atau perbelanjaan isi rumah. Agar tidak berlaku sebarang penyusutan dalam nisbah untung bersih pendapatan semasa mengurus bajet belanja hangus. Kaedah PKD mudah dilaras, disemak, ditentusah, dikawalselia serta dilipatgandakan bagi memberi kesan impak yang berbeda kepada pelbagai nisbah kewangan. Disamping, menyempurna proses lindung nilai keuntungan pendapatan serta merangsang pemasaran kreatif dengan menjolak jualan demi melestari hayat perniagaan. Impak PKD diolah sepenuhnya, bergantung kepada keperluan yang sedang dihadapi serta kemampuan pelanggan dalam membebaskan diri dari cengkaman bebanan hutang, terutamanya hutang riba. Bertindak pro-aktif dalam meningkat tabungan simpanan terpaksa serta agihan infak berkala yang berkualiti, tanpa pergantungan sepenuhnya kepada perolehan pendapatan jualan sahaja. Gandingan amalan Budaya Penjimatan dan Budaya Infak dalam PKD yang disepadukan secara mampan mampu jadi penawar berkesan dalam menghalang amalan Riba Dalam Jual Beli (Riba al-Buyu) bagi janaan keuntungan maksima. Serta meluntur sebarang desakan perlakuan budaya Pecah Amanah dan budaya Rasuah yang sering membarahi anggota masyarakat.

Abstract. PKD is a guided walkthrough to meet the urges and aspirations of those who are still looking for avenues or had been aware of Riba unfair effects. But unable to make their own formulation and adjustments, in solving the financial needs they had been facing. PKD leverages the advantages of ICT in analysing the level of dependency and the leakage of the budget to ensure that any set targets, capable of addressing it skilfully and thoroughly without incurring additional cost of execution. PKD provides a unique way out of the monthly debt instalments liabilities. Hence, cover most of the expenses incurred in operating expenses or any household expenses. In order to avoid any depreciation in the net profit-to-income ratio while managing a failed budget. The PKD method is easily adjusted, reviewed, verified, regulated or multiplied to give different impact to solve various financial burdens. In addition, completing the hedging gains process as well as stimulating creative marketing by improving sales in order to sustain business life. The PKD's impact once fully processed, depending on the needs that are being faced and the ability of the client to free themselves from the debt-burden grips, especially the debt with Riba. Proactive in increasing the required savings deposits as well as quality periodic donations, with no reliance on projected sales revenue. The combination of Saving Culture and Donations Culture within the Infrastructure of PKD is capable of effective remedies in preventing the practice of Riba In Selling (Riba al-Buyu) for maximized profit generation to cover operating expenses needs. As well as thwarting the demeaning Culture of the Untrustworthy and the culture of Corruption that often tainted members of society.

PENGENALAN

Kepakaran pengurusan kewangan dalam sesebuah organisasi tidak boleh dinafikan lagi. Bahagian pengurusan kewangan turut mengandungi unit perakaunan dan odit yang merupakan jantung bagi sesuatu organisasi tersebut. Kemahiran perakaunan bagi mentadbirurus kewangan sesebuah isi rumah juga tetap jadi keperluan. Lantaran, sering terjadi berlakunya ganggugugat dalam bentuk ketirisan bajet kewangan, apabila kemahiran mengurus kewangan secara terampil ini diabaikan atau diambil mudah.

Dalam sektor korporat dan sektor awam, pengurusan kewangan dan tatacara perakaunan akruan adalah mantap serta telus. Tansformasi sistem perakaunan kerajaan kepada perakaunan akruan amat penting untuk meletakkan Malaysia setaraf dengan sistem kewangan negara-negara maju, terutamanya menjelang 2020. Perihal ini sejajar dengan falsafah Pengurusan Awam Baru (PAB) (Christiaens & Rommel 2008; Arnaboldi & Lapsley 2009), di mana sektor awam disarankan menggunakan sistem perakaunan asas akruan, menggantikan amalan sistem perakaunan asas tunai, yang merupakan praktis perakaunan di sektor swasta.

PAB adalah falsafah pengurusan yang digunapakai oleh pihak kerajaan untuk menstruktur dan memodenkan sektor awam bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti penyampaian perkhidmatan awam dengan menerimapakai amalan dan teknik pengurusan sektor swasta ke dalam sektor awam (Hood 1991; Hood 1995). Amalan berdasarkan PAB telah terbukti bukan sahaja di negara-negara maju seperti New Zealand, UK dan Australia (Guthrie 1998; Lapsley & Pallot 2000; Ball & Craig 2010). Bahkan, di negara-negara membangun seperti Indonesia, Fiji dan Ghana (Mawarta & Alam 2006; Harun 2007; Sharma & Lawrence 2008; Rahaman 2009). Antara amalan PAB yang telah berjaya dilaksanakan ialah penswastaaan sektor awam, perbadanan sektor awam, pengukuran prestasi dan kualiti perkhidmatan (Sarker 2006). Kini, Kerajaan Persekutuan telah pun mematuhi Standard Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) semasa melaksanakan perakaunan akruan (Sharifah et al. 2015).

Fokus tadbirurus kewangan dan perakaunan ini tidak sama dan kabur bagi golongan usahawan kecil dan sederhana (IKS), di mana individu yang sama merupakan pemilik syarikat, pengurus kewangan, penjaga inventori, pencatat pelbagai dokumen perakaunan serta pelbagai fungsi jawatan lain yang saling bertindih. Kemelut yang sama turut ditanggung dengan ketua isi rumah yang terbeban bukan sahaja dengan bebanan kerjaya semasa. Bahkan turut berhadapan dengan pelbagai asakan kewangan yang bertali arus dari pelbagai sudut kehidupan.

Buat masa ini, segala punca perolehan pendapatan waima gaji dan elaun, komisyen, tuntutan, bonus, pampasan, jualan, sewaan, agihan saham dan sebagainya digunapakai secara langsung untuk membayar pelbagai keperluan kewangan. Dari membayar tunggakan hutang lapuk seperti PTPN dan MARA, ansuran pinjaman kereta atau perumahan, kad kredit, segala bil-bil utiliti, tuisyen anak, keperluan dapur dan sebagainya. Natijah dari amalan ini adalah berlakunya kesan perbelanjaan hangus apabila sumber pendapatan semasa digunapakai secara langsung.

Disamping berhadapan dengan kemelut perbelanjaan hangus, para IKS dan ketua isi rumah juga sering terjebak dengan pinjaman tidak patuh syariah dalam membina sebuah keluarga yang tampak bahagia. Ansuran pinjaman berfaedah yang hebat ditawarkan oleh Singer, AEON Credit, Courts Mamooth dan sebagainya memberi laluan mudah kepada anggota masyarakat yang telah terhalang secara teknikal dari menikmati pinjaman tanpa faedah dari perbankan Islam.

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Pengurusan kewangan ialah seni dan sains dalam mengendalikan wang yang perlu dimiliki oleh individu mahupun organisasi (Bany et al. 2002). Menurut Deakins et al. (2002) perniagaan kecil memerlukan corak pengurusan kewangan yang tersendiri. Kajian mereka menunjukkan perniagaan kecil juga berbeza daripada sudut amalan pengurusan kewangan sesama kelompok mereka. Menurut Deakins et al (2002) lagi, keupayaan pengurusan kewangan firma melibatkan satu proses pembelajaran dinamik yang dipengaruhi oleh faktor persekitaran luaran dan dalaman. Justeru tidak terdapat suatu penyelesaian seragam yang tersedia untuk diaplikasi dalam semua firma kecil. Ini disebabkan pengaruh persekitaran dalaman dan luaran masing-masing yang unik (heterogenous). Menurut kajian Greagor et al. (2005) firma kecil dan baru sukar mendapat peluang pembiayaan pihak luar disebabkan kekurangan maklumat berkaitan kualiti operasi dan pengurusan firma. Oleh itu, pemberi pinjaman enggan memberikan kemudahan kredit kepada mereka, atau jika masih memberi pinjaman, mereka akan mengenakan kos pinjaman yang tinggi sebagai usaha untuk melindungi risiko pinjaman berkenaan. Ringkasnya, kajian-kajian berkenaan telah menunjukkan betapa aspek pengurusan kewangan merupakan suatu aspek pengurusan yang amat kritikal bagi entiti perniagaan berskala kecil, terutamanya sektor IKS serta isi rumah. Perakaunan pula merujuk kepada kaedah simpankira yang merekod secara sistematik urusan organisasi dan diringkaskan persembahannya dalam bentuk penyata kewangan seperti Kunci Kira-Kira, Penyata Pendapatan, dan Penyata Alir Tunai. Fungsi perakaunan adalah penting bagi membantu proses pembuatan keputusan perniagaan secara lebih objektif dengan menawarkan maklumat yang diperlukan untuk penilaian (Jumaat et al. 2012). Kajian Ahmad Raffis et al. (2007), mendapati kebanyakan firma kecil juga bersifat ketidaccukupan modal, mempunyai amalan pengurusan

kredit yang lemah dan tidak mampu mengambil tindakan tegas terhadap para penghutang yang lewat membuat bayaran kredit. Sindrom lewat menerima bayaran itu berpunca daripada kelemahan aktiviti pemasaran (Sharma 1979: 237) di mana kemudahan kredit yang panjang terpaksa diberi kepada pelanggan sebagai sebahagian daripada pakej strategi pemasaran. Kebanyakan firma kecil turut berhadapan masalah menerima pembayaran yang lewat (late payment problems). Walau bagaimanapun strategi itu akhirnya mendatangkan masalah kekurangan modal kerja berkala kepada firma dan menjejaskan operasi masa hadapan mereka. Sehubungan itu amalan rekod simpan kira yang berkesan amat membantu dalam usaha memantau, menilai dan memberi petunjuk amaran awal terhadap sebarang kesan kewangan, sebelum masalah menjadi kritikal. Dalam penyediaan laporan Kunci Kira-Kira, Penyata Kewangan dan Aliran Tunai, para akauntan dan auditor perlu *mengolah data perniagaan bagi mengasingkan perolehan pendapatan tanpa faedah dan pendapatan berfaedah*. Secara tidak langsung, meletak mereka dalam kedudukan tidak selesa dalam menggalak amalan Riba dalam perniagaan.

KAJIAN LEPAS

Salah satu pencapaian utama dalam pembangunan institusi kewangan Islam (IKI), terutamanya di Malaysia adalah penubuhan Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI)(1) di Bahrain pada 1991.

Organisasi ini telah menghasilkan 60 piawaian perakaunan, pengauditan, tadbirurus, etika dan piawaian syariah. Sebagai contoh di Malaysia, walaupun IKI telah wujud sejak tahun 1970-an, sejak itu terdapat ketiadaan standard perakaunan Islam yang diluluskan. Salah satu cabaran utama adalah bahawa IKI ini perlu bersaing dengan bank lain yang beroperasi dalam pasaran kewangan global yang dikuasai oleh industri perbankan barat (Nor Farizal M et al. 2016).

Di Malaysia, Malaysian Accounting Standards Board (MASB)(2) yang ditubuhkan di bawah Financial Reporting Act 1997. merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk membangun dan menerbitkan piawaian perakaunan sebagai “piawaian yang diterima pakai” bagi semua syarikat di Malaysia. MASB 5 - Penyata Aliran Tunai telah dikeluarkan oleh MASB dan berkuat kuasa sejak tarikh 1 Julai 1999 bagi menggantikan International Accounting Standards (IAS) 7 (semakan).

MASB 5 Para I menyatakan bahawa perniagaan perlu menyediakan penyata aliran tunai mengikut kehendak piawaian ini dan perlu membentangkannya sebagai bahagian teras penyata kewangan bagi setiap tempoh penyata kewangan dibentangkan (Mohd Noor Azli 2004).

Skop pelaporan kewangan dari perspektif Islam juga menjadi subjek perdebatan. Satu pendapat ialah pelaporan kewangan dari perspektif Islam harus memberi perhatian untuk merumuskan prinsip pengiktirafan dan pengukuran alternatif bagi transaksi kewangan yang mematuhi syariah. Urusniaga yang patuh syariah adalah berbeza secara kontrak daripada perbandingan urusniaga konvensional. Oleh itu, ianya harus tertakluk kepada prinsip perakaunan yang berbeza, dan *perlu ‘didebitkan’ dan ‘dikreditkan’ dengan tatacara berbeza*. Oleh itu, Lembaga memperakui bahawa garapan perakaunan bagi urusniaga kewangan yang mematuhi syariah mungkin berbeza dengan perbandingan konvensional. Lembaga percaya bahawa perbezaan utama antara pelaporan kewangan dari perspektif Islam dengan urusniaga konvensional, bukanlah pengiktirafan dan pengukuran, tetapi sejauh mana maklumat kepatuhan ini dapat dipaparkan (Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, 2009).

Menurut Naharriah Mohamed (2016), pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) berhadapan dengan banyak kekangan teknikal dalam usaha untuk *membangun satu piawaian perakaunan Islam*. Tanggungjawab yang diberikan amat berat, bukan sahaja dambaan terhadap ihsan Allah tetapi pengharapan manusia juga. Walaupun tanggungjawab ini berat, namun JANM bangkit menyahut cabaran mengambil tanggungjawab dalam membangun dan melaksanakan piawaian perakaunan Islam. Walau bagaimanapun untuk melaksanakan tanggungjawab ini kerjasama dan sokongan daripada para akauntan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) diperlukan bagi memastikan pelaksanaan piawaian perakaunan Islam ini tercapai.

Dengan lantikan 18 orang penyelidik daripada tiga universiti tempatan iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pihak JANM telah membuat kerangka ketetapan bagi penghasilan *Manual Pengurusan Harta Syubhah (MPHS)* bagi memproses seta menyediakan pelaporan segala *Harta Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah* yang disalurkan kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri dan Baitumal Negeri. Ianya mungkin bersifat pembayaran Zakat, serahan Wakaf atau infak Baitumal (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2016).

KEWAJARAN KAEDAH

Meskipun terdapat beberapa kajian dan penawaran garis panduan serta tatacara perakaunan Islam oleh beberapa pihak, masih terdapat ruang yang boleh ditambahbaikkan. Antara keperluan berbangkit adalah keupayaan menerapkan disiplin perakaunan patuh syariah bagi kumpulan sasar yang terdiri daripada *ketua-ketua isi rumah, usahawan kecil dan sederhana*

(IKS), *pertubuhan bukan perniagaan (NGO), institusi masjid dan surau, pondok dan pusat tahfiz, rumah anak yatim dan warga emas, institusi pendidikan awam dan swasta, industri asas tani serta sebahagian besar gerakan koperasi* yang amnya, majoriti di Malaysia ini, dirahmati dengan beragama Islam.

Tatacara perakaunan patuh syariah yang sedia ada, kini *lebih terarah dan menyasarkan kelompok entiti korporat, syarikat berkepentingan kerajaan (GLC) dan institusi kewangan dan perbankan*. Secara langsung menafikan hak sebahagian besar masyarakat Islam dari terlibat dengan amalan perakaunan patuh syariah.

MATLAMAT PENDEKATAN

Matlamat pendekatan disiplin perakaunan patuh syariah ini bagaikan seumpama gergaji banyak mata. Logiknya, sehingga kini pun sumber perolehan pendapatan yang sama akan digunapakai untuk membiayai pelbagai kos operasi syarikat dan bajet isi rumah serta kemuncaknya kos kehidupan. Namun begitu, impaknya adalah berbeda apabila amalan PKD ini diamalkan oleh ketua isi rumah atau pemilik perniagaan yang mempunyai ciri-ciri janaan pendapatan berkala.

Bagi memastikan disiplin perakaunan patuh syariah ini, diamalkan secara menyeluruh dan dengan istiqamah. Terdapat beberapa matlamat pendekatan yang ingin diterapkan sebagai *faktor penarik dan faktor penolak yang telah disepadukan*, antaranya:

Jadual 1: Faktor Penolak Dan Faktor Penarik Disepadukan Dalam Perakaunan Islam

Bil.	Perkara
1	mengurus bajet operasi syarikat atau bajet isi rumah secara lestari dan mampan;
2	mengekang dan meminimalkan punca ketirisan kewangan yang sering dihadapi;
3	mengaktif sumber modal berkala tanpa pergantungan kepada sumber modal hutang;
4	meningkat tabungan simpanan, meskipun semasa fasa jualan menurun dan mengurus lebih tunai secara terampil;
5	menambah aset berkualiti yang mampu dimanfaatkan bagi membiaya sebarang keperluan kos operasi syarikat atau bajet isi rumah;
6	melindung nilai (hedging) janaan pendapatan atau keuntungan jualan yang diperolehi;
7	melestari hayat perniagaan serta mengurangkan gejala kecenderungan berburuk sangka dengan pesaing pasaran apabila hasil jualan merundum berkurangan;
8	mengurang stres perniagaan yang berkaitan secara langsung dengan bebanan kewangan;
9	meningkat keharmonian dalam isi rumah serta menjadi pemangkin positif bagi mengelak penceraian yang berpunca dari kegawatan kewangan;
10	meningkat tahap keilmuan kepada para pelanggan ar-Rahnu dengan mendidik dan membimbing mereka berurusanniaga secara berobjektif berbanding dengan kecenderungan berurusanniaga secara terdesak atau ‘ad hoc’;
11	menggalak penerapan budaya Penjimatan dan budaya Infak sebagai budaya positif alternatif, berbanding dengan kecenderungan amalan budaya pembaziran dan budaya rasuah serta pecah amanah yang dimurkai Illahi;
12	membantu pemurnian nawaitu berniaga kepada Allah berbanding dengan taksu meletak keuntungan maksima menjadi fokus keutamaan bagi membentuk keperibadian bertakwa melalui muamalat;
13	meningkat amalan kepatuhan syariah secara menyeluruh tanpa terfokus kepada pemilihan produk akhir sahaja dalam membentuk minda patuh syariah sebagai strategi dakwah berkesan menjauhi Riba, syubhah dan gaya hidup keterhutangan.

DEFINISI, CIRI-CIRI DAN OBJEKTIF PERAKAUNAN ISLAM

Kaedah perakaunan yang menetapkan matlamatnya dan melaksanakan semua ketetapannya untuk mencapai matlamat tersebut secara beretika dan objektif dalam batasan dan sempadan syari’ah Islam dipanggil Perakaunan Islam. Menurut Hameed S. (2000), Perakaunan Islam boleh ditakrifkan sebagai “proses perakaunan” yang memberikan maklumat yang sesuai (tidak semestinya terhad kepada data kewangan) kepada pihak berkepentingan, samada individu atau sebuah entiti perniagaan, yang akan membolehkan mereka memastikan bahawa pihak berkepentingan itu terus beroperasi secara terampil dalam batas-batas syari’ah Islam. Serta melaksana objektif sosioekonomi sambil menilai kebertanggungjawaban mereka kepada Allah. Oleh itu adalah amat penting, beberapa *faktor penolak dan faktor penarik dikenalpasti serta ditanam dalam perakaunan Islam* agar masyarakat lebih terkesan untuk mengamalkannya.

Perakaunan Islam sewajarnya mempunyai beberapa ciri dan objektif yang sangat berbeza daripada perakaunan tradisional. Triyuwono (2000) secara terperinci menyatakan antara ciri-ciri dan objektif perakaunan Islam perlu merangkumi pelbagai aspek berikut:

Jadual 2: Ciri-Ciri Dan Objektif Perakaunan Islam

Bil.	Perkara
1	transformasi dari pengoptimuman keuntungan kepada pengoptimuman zakat dan infak (sebagai fokus kebajikan masyarakat, bukan hanya fokus kepentingan individu);
2	taktik perniagaan dan dasar strategik perniagaan mesti mematuhi syari'ah Islam (setiap umat Islam terikat untuk melakukan);
3	secara semulajadi menggabungkan keseimbangan antara keperluan individu dan keperluan sosial (umat Islam adalah masyarakat yang paling murah hati suka menjaga kebajikan orang lain); perniagaan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam membebaskan manusia dari penindasan ekonomi; mengimbang keperluan sosial dan intelektual serta melestari alam sekitar dari eksploitasi manusia (memberikan maklumat yang tepat dan sesuai untuk membuat keputusan, menetapkan harga produk yang mesra pasaran, bersikap adil dalam pengagihan kekayaan, serta mengekalkan persekitaran yang baik melalui pelaporan hijau);
4	menyediakan jambatan antara dunia dan akhirat (matlamat akhir setiap Muslim bertakwa adalah untuk memasuki Jannah bagi mencapai reda Allah melalui perbuatan baik di dunia ini).

Secara langsung membuka dimensi baru dalam perakaunan Islam, apabila amalan disiplin perakaunan tersebut mampu memimpin jiwa hamba-Nya ke jalan ketakwaan. Lantaran, Islam mempunyai sistem pandangan dan kepercayaannya sendiri. Ia bukan hanya agama ritual yang terbatas kepada individu tetapi cara hidup yang bersepadu dengan menggabungkan politik, ekonomi, budaya, agama dan setiap aspek kehidupan manusia (Haneef, 1997). Ini bermakna bahawa pemisahan pengetahuan dari panduan keagamaan tidak sesuai untuk umat Islam kerana ia akan menyebabkan tingkah laku bukan Islam (Hameed, 2001). Oleh itu, ramai cendekiawan Islam telah mencadangkan agar disiplin dan amalan perakaunan perlu disepadukan dengan ajaran Islam dan ini kemudiannya menjadi asas untuk dijenamakan sebagai kanun perakaunan Islam (lihat Hameed, 2000).

Kebanyakan makalah perakaunan Islam meletak Zakat sebagai asas untuk menentukan alat ukur. Menurut Zaid (1997) terdapat, sekurang-kurangnya tiga sebab untuk mengambil instrumen Zakat sebagai fokus utama pengukuran:

Bil.	Perkara
1	Zakat adalah konsep dalam Islam yang berkaitan dengan pengukuran aset. Ini dapat disimpulkan daripada beberapa ayat di dalam Al-Qur'an dan Hadis Nabi Muhammad (saw) mengenai masa dan kaedah pengiraan Zakat
2	Zakat telah diturunkan dalam banyak ayat secara langsung selepas peraturan solat dan dianggap sebagai salah satu dari lima tiang Islam. Ini menunjukkan bahawa umat Islam digalakkan untuk membangun instrumen (termasuk instrumen perakaunan) untuk memastikan kewajiban ini dapat dipenuhi sesuai dengan syariah Islam
3	Ketiga, pembangunan perakaunan di pemerintahan Islam awal berkait rapat dengan amalan Zakat. Pada masa itu, negara Islam telah menyediakan buku dan laporan perakaunan untuk penetapan dan kebertanggungjawaban Zakat.

Sebagai cara hidup yang syumul dan lengkap, Islam memberi fokus istimewa kepada kegiatan keusahawanan dengan memaparkan pengalaman Rasulullah saw sendiri berniaga dengan Siti Khadijah sebelum berkahwin dengannya. Bersumberkan wahyu Al-Qur'an dan sabda Rasul-Nya, Allah telah memperlihatkan petunjuk-Nya kepada hamba-Nya tentang formula terbaik bagaimana untuk berjaya di dunia dan di akhirat melalui kerjaya perniagaan. Oleh kerana perniagaan berkait rapat dengan masalah permasalahan ekonomi yang kompleks, satu instrumen tunggal misalnya Zakat, tidak akan mencukupi dan mencakupi bagi menyelesaikan segala masalah berbangkit. Malah, ia memerlukan gandingan dan gabungan kesemua instrumen patuh syariah jika benar-benar ingin mencapai kejayaan (falah) (Rizal Yaya, 2010).

Penyata aliran tunai merupakan satu penyata kewangan yang penting yang boleh ditambahkan dari mana-mana bahagian dalam Kunci Kira-Kira serta Akaun Untung dan Rugi. Penyata aliran tunai berkebolehan dalam menunjukkan perubahan dalam kedudukan kewangan organisasi. Penyata ini juga dapat menunjukkan pergerakan sebenar tunai dan ia bertentangan dengan Akaun Untung dan Rugi yang berdasarkan asas akrual. Penyata aliran tunai dapat menyediakan satu taksiran yang lebih objektif tentang keupayaan syarikat dalam menghasilkan tunai dan kesetaraan tunai bagi memenuhi tanggungjawab

syarikat. Penyata ini juga dapat menentukan bagaimana tunai dihasilkan dan digunakan pada satu jangka masa tertentu (Woon, 1999).

Namun begitu, pelaporan perakaunan Islam perlu bebas dari ruang gejala penyelewengan nawaitu atas sebab-sebab tertentu seperti untuk mempermudah mendapat geran, dana atau pinjaman perniagaan; atau untuk mendapat pengurangan atau pengecualian membayar cukai pendapatan atau GST. Secara tidak langsung turut menarik penglibatan para kerani akaun, akauntan dan juruodit terpalit sama dalam gejala tidak patuh syariah ini.

KEGAWATAN DALAM URUSNIAGA AR-RAHNU

Walau pun perniagaan berteraskan ar-Rahnu dilihat mampu mengurangkan risiko hutang tidak dibayar (NPL) kerana semua hutang yang diberikan adalah terjamin dengan sandaran pajakan emas. Tetapi, saban bulan setiap premis ar-Rahnu sering membuat lelongan awam untuk melupus aset emas yang telah luput tempoh pajakan yang dibenarkan (4)(5). Dari kajiselidik dan pemerhatian, antara punca utama kegawatan urusanniaga melibatkan ar-Rahnu ini terus terjadi disebabkan:

Jadual 3: Kecenderungan Para Pelanggan Semasa Urusniaga Di ar-Rahnu

Bil.	Perkara
1	Tiada ilmu congakkan berapa gram emas yang diperlukan untuk selesai keperluan masalah berbangkit;
2	Mudah terdorong mengambil jumlah pembiayaan melebihi dari keperluan sebenar;
3	Cenderung berubah pemikiran dari minda pajakan ke minda gadaian;
4	Tiada nawaitu untuk menebus pajakan aset yang terpenjara di ar-Rahnu;
5	Tiada strategi dirangka bagi tujuan membebaskan emas yang terpenjara;
6	Lebih pembiayaan yang diterima tidak dimanfaatkan sebagai modal niaga bagi menjana pendapatan untuk mempermudah ikhtiar untuk menebus aset yang terpenjara;
7	Lebih pembiayaan yang diterima tidak membuka minda untuk menginfak dengan lebih bermakna agar Allah permudahkan jalan untuk membebaskan aset yang sedang terpenjara.

Oleh kerana peminjam pajak gadaai berada dalam keadaan terdesak dan memerlukan wang tunai segera, golongan ini sering menjadi mangsa penyelewengan dan penindasan oleh pengusaha-pengusaha pajak gadaai dalam bentuk amalan ('spread') (Muhammad Saiful Islami, 2006). Meskipun operasi institusi pajak gadaai, termasuk ar-Rahnu, dikawal selia oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemegang Pajak Gadaai 1972 (pindaan Januari 2006), namun akta ini masih dilihat bertentangan dengan syariah Islam untuk seksyen-seksyen tertentu dan lebih memihak kepentingan kepada pengusaha pajak gadaai. Antara peruntukan dalam Akta Pemegang Pajak Gadaai 1972 yang jelas bercanggah dengan prinsip syariah ialah:

Jadual 4: Seksyen Dalam Akta Pemegang Pajak Gadaai 1972

Bil.	Perkara
1	Seksyen 17 – memperuntukkan kadar keuntungan yang tidak jelas dan tidak tetap terhadap pinjaman menyebabkan berlakunya perbezaan ketara harga tawaran dan nisbah pinjaman.
2	Seksyen 23 – memperuntukkan barang gadaian akan menjadi harta pemegang pajak gadaai selepas tempoh gadaian bagi pinjaman yang tidak melebihi RM200.

Bagi menampung kekurangan ini, pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menerbitkan GP25: Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadaai Islam (Ar-Rahnu). Sistem kewangan Islam pada masa kini telah diperluaskan kepada pembiayaan pajak gadaai Islam sebagai usaha untuk menghapuskan riba dan gharar (ketidakpastian). Tujuan utamanya adalah untuk menghapuskan hasil bunga (faedah) yang dikenakan oleh pemilik pajak gadaai sebagai ganjaran daripada wang tunai yang dipinjamkan.

Perbezaan utama antara sistem gadaian secara Islam dan konvensional ialah dalam kes gadaian secara Islam, *barang gadaian tetap menjadi hak (aset) pemilik asal walaupun ianya telah digadaikan*. Cara pembayaran balik marhun tersebut adalah berdasarkan kepada nilai marhun dan upah pemegang yang sewajarnya. Sistem gadaian ini adalah berkonsepkan amal jariah dan bantu-membantu bagi individu yang memerlukan untuk meringankan bebanan mereka (SKM, 2013).

KEGAWATAN DALAM KEUSAHAWANAN

Dalam dunia perniagaan dan keusahawanan, terdapat beberapa istilah dan ketetapan khusus yang mengikat para usahawan

berfikir dan beroperasi. Antaranya dalam dalam pendekatan mengejar, mengumpul dan mengira keuntungan; mengurus dan membiayai kos operasi syarikat serta mengurus lebih tunai dan meningkat aset syarikat.

Dari statistik yang disediakan oleh SKM, setiap tahun bilangan koperasi menunjukkan prestasi merundum terus bertambah. Tadbir urus yang tidak cekap mungkin menyumbang kepada prestasi koperasi yang lemah. Intan Waheedah et al. (2013) menyebutkan bahawa koperasi adalah tertakluk kepada tadbir urus yang lemah apabila ketidakpatuhan anggota dan ketidakcekapan ALK timbul. Satu kajian yang dijalankan oleh Ernst and Young (2012) juga telah mengenal pasti beberapa halangan tadbir urus koperasi seperti konflik yang timbul antara prinsip keuntungan dan matlamat sosial, kawalselia lemah, aspek pengawasan dan lain-lain. Tambahan pula, pada tahun 2007, struktur tadbir koperasi dalam Akta Koperasi 1993 telah dipinda. Sebelum pindaan, Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) telah dipilih oleh anggota semasa MAT. Walau bagaimanapun, selepas tahun 2007, JAD telah dilantik oleh ahli lembaga koperasi. Oleh itu, kebebasan status JAD sering dipersoalkan dan ini membawa kepada tadbir urus koperasi menjadi lemah (Nur E. J et al., 2015).

Golongan usahawan industri asas tani (IAT) adalah golongan yang termiskin dalam masyarakat. Walaupun sektor pertanian mendapat peruntukan semenjak merdeka namun kemiskinan di kalangan pekebun kecil tidak dapat dihapuskan sama sekali.

Kemiskinan desa berpunca daripada saiz bidang tanah, jenis tanaman yang tidak ekonomi, teknologi yang rendah, sistem sewaan tanah dan peluang yang terhad bagi menambah pendapatan adalah punca yang membawa kepada fenomena kemiskinan. Kesemua faktor itu menjurus kepada potensi keuntungan yang rendah (Mohd Yunus, 2014).

Keuntungan yang diiktiraf dalam Islam merujuk kepada usaha dalam menghadapi risiko sama ada risiko dalam bentuk usaha atau pemilik modal. Keuntungan tanpa menghadapi risiko akan menyebabkan manusia memindah risiko ke atas pihak lain dan sekaligus ia adalah suatu bentuk kezaliman. Disebabkan itu, amalan riba adalah suatu bentuk penindasan dan kezaliman kerana tambahan yang dikenakan ke atas pinjaman yang dilakukan merupakan pemindahan risiko ke atas penghutang. Hasilnya, keuntungan yang ingin dicapai tanpa menghadapi risiko akan melahirkan masyarakat yang malas bekerja atau berusaha. (Zaharuddin A. R., 2010)

Amnya sebahagian besar usahawan bersikap pasif dalam menghadapi pasaran. Ramai yang tidak memperlihatkan kreativiti dalam pemasaran dan inovatif dalam mengemukakan tawaran nilai yang mampu membangkit minat pasaran. Antara kekangan utama sifat kreativiti dan inovatif ini mampu dizahirkan adakah kesan langsung dari kemelut tekanan kewangan yang dihadapi saban masa.

Menurut Muhamad Z.S. et al. (2014), risiko merupakan ancaman ke atas prinsip keadilan dalam urusanniaga yang ditetapkan oleh Islam. Pengurusan risiko secara salah menyebabkan urusanniaga berlaku secara zalim maka ternafilah hikmah pensyariatian jual beli dalam konteks memenuhi keperluan masyarakat. Walau bagaimana pun risiko tetap wujud dalam setiap kontrak kerana ia mempunyai hubung kait dalam penawaran dan permintaan yang berlaku.

Perbezaan pembiayaan kewangan konvensional ialah risiko tersebut dipindahkan ke atas sebelah pihak sahaja demi kepentingan keuntungan sebelah pihak yang lagi satu. Sehubungan itu, kewangan konvensional mengamalkan riba seperti kadar bunga ke atas hutang yang diberikan. Ia secara tidak langsung menambahkan beban yang sedia ada ke atas penghutang. Kadar bunga tersebut merupakan dakwaan bagi menghilangkan risiko pemiutang yang telah “membekukan” haknya dengan diberikan hutang kepada pihak yang meminta.

KEGAWATAN DALAM PERBELANJAAN HUTANG ISI RUMAH

Trend hutang isi rumah di Malaysia ketara bermula dari tahun 2006 telah mencatatkan paras 67% dan meningkat kepada 76% pada tahun 2010. Berakhir tahun 2013, paras ini telah melonjak kepada 86.6% dan meningkat pada September 2014 kepada 87.1%. Fenomena ini secara tidak langsung telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara di Asia yang mencatatkan peratusan tertinggi meninggalkan negara membangun dan sedang membangun yang lain seperti Korea (85%), Amerika Syarikat (80.3%), Thailand (86%), Jepun (75%), Singapura (75.8%), Indonesia (10%) dan Filipina (6%). Kesan dari peningkatan ini, Bank Negara Malaysia telah mempekenalkan pelbagai syarat pinjaman agar hutang isi rumah berada didalam keadaan yang terkawal. Antaranya adalah tempoh pinjaman maksimum selama 10 tahun untuk pembiayaan bagi kegunaan peribadi. Tempoh pinjaman maksimum selama 35 tahun untuk pembiayaan bagi pembelian harta kediaman dan bukan kediaman dan larangan menawarkan produk pembiayaan peribadi yang diluluskan terlebih dahulu. Penyebab kepada kenaikan hutang isi rumah adalah berpunca daripada syarat yang longgar bagi kemudahan pinjaman yang telah disediakan oleh bank negara, faedah yang rendah serta kombinasi tamak dari kedua dua belah pihak dari Bank dan isi rumah itu sendiri (Nurshahirah A. et al., 2012).

Pada November 2014, Institut Penyelidikan Khazanah telah mengeluarkan laporan ‘Keadaan Isi Rumah’ yang memberi penerangan tentang punca permasalahan termasuk perumahan, makanan, pendidikan, gaji dan BR1M, pinjaman peribadi

antara lain. Kemudian disusuli pada tahun 2016 dengan laporan ‘Kemiskinan dan Pendapatan Isi Rumah’ (Khazanah Research Institute, 2016).

Bagi Pengarah Urusan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Datuk Charon Mokhzani, salah satu perkara paling mengejutkan yang ditemui oleh beliau dan pasukannya ketika melakukan penyelidikan mengenai keadaan isi rumah di Malaysia adalah berapa data yang ada di sana. Kini, jumlah hutang isi rumah di Malaysia terus mencatat pertumbuhan tahunan yang sederhana sebanyak 5.4 peratus pada 2016 berbanding peningkatan 7.3 peratus pada 2015.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Datuk Seri Muhammad Ibrahim berkata, hutang isi rumah terkumpul berjumlah RM1.086 trilion pada akhir 2016 dengan sejumlah besar hutang isi rumah (62.6 peratus) masih dalam bentuk pinjaman yang bercagarkan harta tanah dan pelaburan yang prinsipalnya dijamin. (7)

Trend simpanan di kalangan rakyat Malaysia pada masa ini tidak begitu memberangsangkan dengan hanya RM6 bilion, atau 0.9% tabungan isi rumah yang dicatatkan pada tahun 2014, berdasarkan Matriks Perakaunan Sosial (MPS).

Ketua Perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, generasi muda khususnya gembira berbelanja apa sahaja yang mereka ada, sebelum pendapatan diperoleh, sebagai contoh, membeli kereta baru, menukar telefon pintar atau aktif membeli dalam talian melalui kad kredit. (8)

Merujuk kepada pemboleh ubah ekonomi makro yang mempengaruhi hutang isi rumah di Malaysia dan data hutang isi rumah dari suku tahun 2008 hingga suku keempat 2015. Pembolehubah ekonomi makro yang digunakan adalah kadar pinjaman asas, indeks harga perumahan, keluaran dalam negara kasar dan pengangguran. Penemuan ini mendedahkan bahawa semua pemboleh ubah penjelasan mempunyai kesan yang signifikan terhadap hutang isi rumah di Malaysia. Indeks harga rumah mempunyai hubungan positif dengan hutang isi rumah. Ia menunjukkan bahawa harga rumah adalah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan hutang isi rumah dalam jangka panjang. Kadar pinjaman asas adalah negatif berkaitan hutang isi rumah. Ini menunjukkan bahawa persekitaran kadar faedah yang rendah mengurangkan kos peminjaman, oleh itu secara tidak langsung meningkatkan insentif bagi isi rumah untuk meminjam. Pengangguran juga mempunyai hubungan negatif dengan hutang isi rumah, Memandangkan kegagalan membayar pembayaran akan berlaku kerana peminjam akan merasa sukar untuk mengekalkan pembayaran hipotek mereka semasa tempoh pengangguran (Masturah M. et al., 2016).

TATACARA PENYELESAIAN

Demi mencapai pelbagai sasaran matlamat yang ingin diterapkan, disiplin perakaunan unik bernama Pengurusan Kewangan Dinar (PKD) ini *menggunakan strategi, olahan dan pendekatan yang berbeda tetapi menyegarkan minda dan jiwa*, berbanding dengan amalan perakaunan konvensional yang lebih fokus kepada persimbangan debit kredit akaun lejer serta menepati piawaian pelaporan perniagaan yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Dua instrumen patuh syariah yang sering dilihat terasing, yakni aset Emas dan premis ar-Rahnu digabungkan dalam suatu gerak kerja terkesan bagi memberi impak matlamat yang telah diketengahkan. Semasa Festival Antarabangsa Emas, Dinar dan Dirham (3) pada 7 & 8hb November, 2017 di DECTAR, UKM, terdapat beberapa istilah unik telah diketengahkan. Antaranya adalah yang telah digabungkan dalam amalan PKD, yakni kefahaman dan keyakinan bahawa *aset Emas adalah pemberat Kunci Kira-Kira* (balance sheet).

Bahkan salah seorang penceramah yang juga merupakan Penasihat Syariah Bank Muamalat, Ustaz Wan Rumaizi telah menggariskan aset emas mempunyai lima (5) sifat kefungsiian unik yang saling sokong menyokong berbanding dengan komoditi lain. Yakni, *Perantara Urusniaga (Medium of Exchange), Tabungan Simpanan (Savings), Pelaburan (Investment), Sandaran (Collateral) dan Lindung Nilai (Hedging)*.



Foto 1: Kefungsiian Utama Aset Emas

Strategi PKD adalah mengaktifkan secara terampil gabungan TIGA (3) sifat kefungsi aset emas iaitu *mengaktifkan tabungan simpanan berkala* (bagi mewujudkan kitaran simpanan terpaksa), *menentusahkan kewajaran sandaran pajakan* (menerusi urusniaga ar-Rahnu secara terbimbing) dan *mengaktifkan proses lindung nilai perolehan pendapatan* (melalui amalan penambahan aset berkualiti tanpa membeli dari bajet simpanan atau perolehan jualan).

Berdasarkan latar belakang kecaknaan di atas, PKD dibangunkan sebagai wadah rujukkan agar para pemilik aset emas mempunyai pedoman amalan tatacara terbaik (best practices) sebelum beliau memasuki premis mana-mana ar-Rahnu dan selepas tamat urusniaga dengan ar-Rahnu tersebut.

Antara keupayaan yang diberikan menetapkan kadar siling pembiayaan berdasarkan keperluan sebenar komitmen kewangan bulanan. Serta *merangka strategi dan gerak kerja tersusun untuk membebaskan aset emas yang terpenjara secepat yang mungkin* tanpa terpengaruh dengan terma tempoh enam (6) dalam surat pajak yang diberikan.

Sasaran dari bimbingan terpinpin ini adalah untuk mengatasi LIMA (5) kemelut kehidupan yang sering dihadapi oleh sebahagian besar usahawan IKS, yakni:

Jadual 5: Kemelut & Kelemahan Usahawan IKS

Bil.	Perkara
1	Tidak mempunyai atau ketara menyusut tabungan simpanan;
2	Tidak peka mengamal belanja hangus dan ketirisan bajet;
3	Tidak memiliki aset berkualiti yang mudah dicairkan tanpa perlu mengambil pinjaman dari institusi perbankan dan kewangan tempatan;
4	Tidak mengamal budaya infak berkala bagi menjana reda Illahi;
5	Tiada atau mempunyai sedikit masa berkualiti untuk dikongsi dengan keluarga tercinta, sahabat dan jiran setempat, serta beribadah dengan khusyuk;

CONTOH PELAKSANAAN

Tuan Haji Mubarak baru tersedar dari lamunan bahawa rupanya semenjak 10 tahun dia menceburi bisnes restoren ayam dara kukus berempah madu terdapat banyak kekurangan yang kini membelit kehidupannya. Bukan sahaja solat fardhunya tidak khusyuk sebab kekangan masa operasi yang terhad dengan penambahan cawangannya. Dia sudah agak lama tiada kesempatan untuk bangkit qiamulail sepertiga malam dan solat dhuha pada siang hari.

Meskipun bisnesnya makin kencang dengan jualan kini sudah menjangkau di antara rm60,000 hingga rm100,000 sebulan. Dia merasai perolehan jualan tersebut hanya mengalir sahaja dicelah jemarinya. Setiap bulan dia perlu menyediakan minima rm20,000 untuk bayaran gaji para pekerja dan membeli stok bahan mentah. Sedangkan pada masa yang sama cukup bulan sahaja dia perlu terkejar-kejar membayar ansuran pinjaman 3 buah kereta dan 2 buah MPV. Tidak termasuk ansuran 2 buah apartment dan 1 buah banglo yang sedang dia diami.

Berikut adalah senarai pendapatan dan perbelanjaan kos operasi bulanannya.

Perolehan Jualan	:	RM60,000 hingga RM100,000 sebulan
Kos Tetap		
Kos Modal	:	RM20,000
Kos Tetap	:	RM20,000
Ansuran 5 kenderaan	:	RM10,000
Ansuran 3 kediaman	:	RM05,000
Jumlah Kos Tetap	:	RM55,000

Jika berdasarkan perolehan minima jualan RM60,000. Untung bersih hanyalah **RM5,000** sahaja. Pada masa yang sama bajet belanja hangus tahunannya adalah :

Kos Modal	:	RM20,000 x 12 = RM240,000 setahun x 10 tahun = RM2,400,000	(1)
Kos Tetap	:	RM20,000 x 12 = RM240,000 setahun x 10 tahun = RM2,400,000	(2)
Kos Ansuran	:	RM15,000 x 12 = RM180,000 setahun x 10 tahun = RM1,800,000	(3)
Jumlah untuk 10 tahun lepas bajet belanja hangus =		RM6,600,000	(4)

Bayangkan jika tambahan 10 tahun ke hadapan seterusnya?

Memang sebahagian besar daripada kita silap mencongak tanggapan, hingga menasihati agar hadapi sahaja bebanan bajet belanja hangus tersebut. Anggaphlah keperluan untuk yuran masuk dunia perniagaan. Sedangkan ada pilihan alternatif bajet tidak hangus yang boleh diteroka.

Bermula dengan membuah perubahan strategi dengan membeli aset emas 999.9 terdiri lima (5) keping gold bar seberat 100 Gram setiap satu bagi jumlah berat **500 Gram**. Anggaran kos pembelian jika rm187 per Gram adalah **RM93,500**.

Kos Pembelian Emas: RM187 x 500 Gram = **RM93,500** (5)

Formula untuk mencongak berat 500 Gram yang diperlukan adalah seperti berikut :

$$\text{Berat Gram Yang Diperlukan} = \frac{\text{Sasaran Keperluan Perbelanjaan}}{220} \times 2 \quad (6)$$

$$\text{Berat Gram Yang Diperlukan} = \frac{\text{RM55,000.00}}{220} \times 2 \quad (6)$$

$$\text{Berat Gram Yang Diperlukan} = 500 \quad (6)$$

Pertama berlaku proses lindung nilai RM93,500 itu secara automatik dengan tersimpan nilainya di dalam emas seberat 500 Gram. Yang kedua akan dimasukkan entri dalam lejer aset sebanyak RM93,500. Nilai aset ini akan kekal tercatat dalam Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-Kira sehingga aset emas tersebut dijual.

Setiap akhir bulan dipajak di ar-Rahnu berdekatan aset seberat 500 Gram itu.

Berikut adalah butiran pengiraan di ar-Rahnu

Harga Tawaran Harian bagi Emas 999.9	=	RM193.35	
Had Maksimum Pembiayaan	=	70%	
Unjuran Upah Simpan Per Gram	=	RM1.50	
Nilaian Marhun	=	RM193.35 x 500 Gram	(7)
	=	RM193.35 x 500 Gram	(7)
	=	RM96,675.00	(7)
Maksima Pembiayaan	=	RM96,675.00 x 70%	(8)
	=	RM67,672.50	(8)
Pembiayaan Yang Perlu Diambil	=	RM65,000.00	
Upah Simpan Untuk Menebus	=	RM1.50 x 500 Gram	(9)
	=	RM750	(9)
Tabungan Sehari Upah Simpan	=	RM750 / 30 Hari	(10)
	=	RM25 Sehari	(10)
Bajet Menebus Dari Hasil Jualan	=	RM60,000.00 + RM750	(11)
	=	RM60,750.00	(11)
Modal Asal Ditukar Menjadi Emas	=	RM20,000.00	
	=	RM20,000 / RM187 Gram	(12)
	=	106.95 Gram	(12)
Baki Simpanan Setiap Kali Pajakan	=	RM65,000.00 - RM55,000	(13)
	=	RM10,000	(13)
Baki Simpanan Terpaksa Tukar jadi Emas	=	RM10,000 / RM187 Gram	(14)
	=	53.48 Gram	(14)

Potensi Simpanan Terpaksa Tahunan	=	53.48 Gram x 12 Bulan	(15)
	=	641.76 Gram	(15)
Jumlah Simpanan Aset Tahun Pertama	=	641.76 Gram + 106.95 Gram + 100 Gram	(16)
	=	848.71 Gram	(16)
Nilaian Simpanan Aset Tahun Pertama	=	848.71 Gram x RM187 Gram	(17)
	=	RM158,708.77	(17)
Unjuran Aset Tambahan Dalam 10 Tahun	=	641.76 Gram x 10 Tahun operasi	(18)
	=	6,417.60 Gram	(18)

Setiap bulan bagi membayar tiga (3) set perbelanjaan hangus berjumlah RM55,000. Yakni, Kos Tetap sebanyak RM20,000, Kos Modal sebanyak RM20,000 dan Ansuran Pinjaman sebanyak RM15,000. Dengan mengunakan teknik Modal Berkala Dari Emas (MBDE), PKD mengaktifkan kaedah lencongan ('divert') dari sumber perolehan jualan kepada hasil pajakan aset emas yang mudah dikawalselia, berbanding dengan pendapatan jualan semata-mata, yang mudah terdedah kepada sentimen pasaran dan asakan pesaing.

Oleh itu, secara perbandingan literal jika tanpa penerimaan amalan disiplin patuh syariah PKD, sejumlah RM660,000.00 perlu diperuntukkan sebagai bajet hangus setiap tahun. Sebaliknya, dengan amalan PKD, keperluan bajet tahunan RM660,000.00 tetap disediakan tetapi bezanya tidak hangus. Bahkan, tidak berlaku penyusutan hasil perolehan jualan, tabungan simpanan atau lain-lain punca pendapatan. Walaupun semasa operasi menebus, sebab setiap kali tebusan aset yang terpenjara RM60,750.00 akan mendapat kembali nilai sebenar yang terlindung dalam berat emas 500 Gram itu, yakni RM93,500.

Pada masa yang sama, turut diperolehi pada tahun pertama daripada tabungan simpanan terpaksa sebanyak 848.71 Gram, yang mengandungi nilai pasaran sebanyak RM158,708.77.

Dengan peruntukan bajet kos modal, kos tetap dan ansuran pinjaman telah tersedia, maka usaha untuk menginfak secara berkala dan berkualiti perlu dilaksanakan bagi menarik reda dan keberkatan Illahi. Pada masa yang sama, keharmonian dan kedamaian akan lebih terasa apabila stres perniagaan, kesan langsung dari tekanan penyediaan kos operasi, mula terlerai dan semakin terampil dan kemas terurus. Sewajarnya pasti akan membuka ruang untuk meningkatkan amal ibadah terutamanya qiamulail dan dhuha serta bacaan al-Quran, selawat dan zikir dengan lebih khusyuk dan tawaduk. In'Sha Allah!

KESIMPULAN

Dilema dan konflik yang dihadapi oleh watak Tuan Haji Mubarak adalah sesuatu yang benar dan pasti mungkin terjadi, adalah sesuatu yang sering dihadapi oleh sebahagian besar usahawan IKS dan IAT. disebabkan pendekatan biasa keperluan bajet operasi yang perlu diharungi. Sebaliknya, dengan perubahan minda dan keyakinan atas pencerahan yang diterima. Serta dengan sedikit olahan strategik yang berwawasan dan berpaksi kepada mengharapkan reda Illahi. Kesemua lima (5) kemelut dan kelemahan usahawan IKS (Jadual 5) dapat di atasi secara terampil dan tuntas, tanpa timbul keperluan untuk membuat tambahan pembiayaan hutang atau pinjaman Riba.

Perkembangan terkini berhubung pembangunan ar-Rahnu inovasi baru yang berteraskan FinTech juga telah membuka dimensi baru bagi urusan ar-Rahnu. Kini, pengguna yang bijaksana boleh memilih untuk membuat pajakan dan menebus secara dalam talian selamat tanpa perlu meninggalkan kediaman atau pejabat. Keupayaan ini adalah seperti urusan selamat CIMB Clicks dan Maybank2U, berbedanya ianya adalah khusus untuk urusan ar-Rahnu yang dimiliki bersama oleh Dinarpal Sdn. Bhd. dan Koperasi Dinarpal Melaka Berhad. Bahkan, lebuhraya fintech Dinarpal turut menyediakan kemudahan membuat pembayaran dan menerima pembayaran dalam bentuk berat emas dan perak. Inovasi unik ini mampu meningkatkan muamalat berpaksikan berat emas dan perak. Seterusnya, berserta disiplin perakaunan PKD mampu memberi pengalaman urusan ar-Rahnu yang lebih mantap dan wibawa. (9)

Oleh itu, adalah wajar pembangunan perakaunan Islam seperti PKD di sokong dan diberi ruang penambahbaikan ke arah mencapai kejayaan objektif sosio-ekonomi Islam. Dalam merekabentuk sistem perakaunan Islam, objektif dan ciri-cirinya perlu saksama membimbing jiwa usahawan, bukan sahaja untuk memperkasa status perniagaan tetapi juga untuk menggalakkan mereka bersifat ihsan dan menghalang mereka daripada bersikap tidak adil dan menzalimi diri sendiri.

Wallahu'alam bishawab.

Inche Azhary @ Sallehuddin Bin Mohamaed Sa'ad
CEO KOMINDA
Perunding PKD
Sukuk Certified Professional

RUJUKAN JURNAL

Ahmad Rafli Che Omar, Siti Zahrah Buyong dan Mohamed Saladin Abdul Rasool (2007). Modal Teroka dan Kedudukan Kewangan Perniagaan Kecil Dalam Era K-Economy. *Pembangunan Sumber Manusia dalam Era K-Economy*, (eds) Rahmah Ismail, Nor Aini Hj. Idris dan Razak Mohd, Penerbit Ukm, Bangi.

Arnaboldi, M. & Lapsley, I. (2009). On the implementation of accrual accounting: a study of conflict and ambiguity. *European Accounting Review*, 18(4), 809-836.

Ball, A. & Craig, R. (2010). Using neo-institutionalism to advance social and environmental accounting. *Critical Perspectives on Accounting*, 21(4), 283-293.

Bany Ariffin, Huson Joher Aliahamed, Junaina Muhammad dan Abu Hassam. (2002). *Guide To Financial Management*. Albert Street, Singapore: Thomson Learning.

Christiaens, J. & Rommel, J. (2008). Accrual accounting reforms: only for businesslike (parts of) governments. *Financial Accountability & Management*, 24 (1), 59-76.

Deakins, D., Morrison, A. dan Galloway, L. (2002). Evolution, financial management and learning in the small firm. *Journal of Small Business and Enterprise Development*. Vol. 9 (1): 7-16.

Ernst and Young. (2012). *Enlighten Co-operative Governance*. EYGM Limited.

Greagory, B.T., Rutherford, M.W., Oswald, S. dan Gardiner, L. (2005). An empirical investigation of the growth cycle theory of small firm financing. *Journal of Small Business Management*. Vol. 43(4): 382-392.

Guthrie, J. (1998). Application of accrual accounting in Australian public sector - rhetoric or reality? *Financial Accountability & Management*, 14(1) 1-19.

Hameed, S. 2000. The need for Islamic Accounting: *Perception of Its Objectives and Characteristics by Malaysia Accountants and Academics*. Ph.D. Thesis. University of Dundee.

Hameed, S. 2001. Islamic accounting - accounting for the new millenium? *Paper of the Asia pacific Conference I-Accounting in the New Millenium*. Kota Bahru, Malaysia.

Haneef, M.A. 1997. Islam, the Islamic worldview and Islamic economics. *IJUM Journal of Economics and Management* 15 (1): 39-65

Harun, H. & Robinson, P. (2010). The adoption of accrual accounting in the Indonesian public sector. in: Tsamenyi, P.M. and Uddin, P.S. (eds). *Research in Accounting in Emerging Economies*, Emerald Group Publishing Limited. 233-250.

Intan Waheedah, Maslinawati M., O. and Arun, M. (2013). Accountability Issues and Challenges : The Scenario For Malaysian Cooperative Movement. *International Journal Of Social, Human Science And Engineering*, 7(6). 403-408.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2016). *Manual Pengurusan Harta Syubhah (MPHS)*. 1-60.

Jumaat A. M, Ahmad Rafli C.O, Zaimah Darawi & Hamdino Hamdan. (2012). Amalan Pengurusan Kewangan di Kalangan Usahawan Asnaf. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII 2012*, 764.

Hameed, S. (2000). Chapter 6: The Objectives & Characteristics Of Islamic Accounting. *The Need for Islamic Accounting: Perception of Its Objectives and Characteristics by Malaysian Accountants and Academics*, Ph.D. Thesis, University of Dundee., 221.

Hood, C. (1991). A public management for all seasons. *Public Administration*, 69(1), 3-19.

- Hood, C. (1995). The “new public management” in the 1980s: variations on a theme. *Accounting, Organizations and Society*, 20(2–3), 93–109.
- Khazanah Research Institute. (2016). Kemiskinan dan Pendapatan Isi Rumah. *Persidangan Meja Bulat: Isu dan Cabaran Institusi Zakat di Malaysia. Anjuran Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) Malaysia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS)*.
- Lapsley, I. & Pallot, J. (2000). Accounting, management and organizational change: a comparative study of local government. *Management Accounting Research*, 11, 213-22.
- Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia. (2009). Statement of Principles i-1. *Financial Reporting from an Islamic Perspective*. 14
- Marwata & Manzurul Alam. (2006). The interaction amongst reform drivers in governmental accounting changes. *Journal of Accounting & Organizational Change*, 2(2), 144-163.
- Masturah Ma’ina, Nur Amira Ismarau Tajuddinb, Siti Badariah Saiful Nathan. (2016). Household Debt and Macroeconomic Variables in Malaysia. *3rd International Conference on Business and Economics*, 21 - 23 September, 2016.
- Mohd Noor Azli Bin Ali Khan. (2004). Kajian Empirikal Ke Atas Pelaporan Penyata Aliran Tunai Di Malaysia - Satu Kajian Awal. *Jurna/ Kemanusiaan UTM*. 63.
- Mohd Yunus Bin Haji Mohd Yassin. (2014). Dana Peladang Kebangsaan Sebagai Institusi Kewangan Islam: Pelaksanaan dan Maklumbalas. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9 2014*. 23-25.
- Muhamad Zuhaili Saiman & Ahmad Dahlan Salleh. (2014). Pengurusan Risiko Dalam Keuntungan Menurut Fiqh Muamalat. 148-156.
- Muhammad Saiful Islami Mohd Taher. (2006). Penerimaan pelanggan terhadap skim pajak gadai (ar-rahnu) : Kajian di Kedai ar-Rahnu Bank Rakyat cawangan Alor Setar, Kedah (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Naharriah Mohamed (2016), Pembangunan Piawai Perakaunan Islam dan Cabarannya. *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Institusi Islam bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal 2016*. 1-5.
- Nor Farizal Mohammed, Asyaari Elmiza Ahmad & Fadzlina Mohd Fahmi (2016), Accounting Standards and Islamic Financial Institutions: the Malaysian Experience. *Journal of Islamic Banking and Finance June 2016*, Vol. 4, No. 1, 33-38.
- Nur Eyllawati Japelus, Noradiva Hamzah & Norman Mohd Salleh. (2015). Case Study on Accountability Practices in Malaysian Co-operatives. *Kekayaan Terangkum Teras Pembangunan Lestari. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-10 (PERKEM 10)*. 181-186.
- Nurshahirah Azman, Roza Hazli Zakaria & Sabitha Marican. (2012). Hutang Dan Keberhutangan Isi Rumah Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9 (1). 59-86
- Presentation of Financial Statements of Islamic Financial Institutions. *Malaysian Accounting Standards Board 2009*
- Rahaman, A. S. (2009). Independent financial auditing and the crusade against government sector financial mismanagement in Ghana. *Qualitative Research in Accounting & Management*, 6(4), 224-246.
- Rizal Yaya. (2010). Objectives and Characteristics of Islamic Accounting - Perceptions of Muslim Accounting Academicians. 24
- Sarker, A.E. (2006). New public management in developing countries: an analysis of success and failure with particular reference to Singapore and Bangladesh. *International Journal of Public Sector Management*, 19 (2), 180-203.
- Sharifah, Rozita & Aini. (2015). Sistem Kawalan Pengurusan dan Proses Peralihan ke Arah Perakaunan Akruan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-10 2015*, 511.

- Sharma, S.V.S. (1979). *Small Entrepreneurial Development*. New Delhi: Light & Life Publishers, 233-242.
- Sharma, U. & Lawrence, S. (2008). Stability and change at FPTL. An institutional perspective. *Australian Accounting Review*, 18(1), 25-34.
- Siti Nadirah Aminuddin. (2015). Pengaruh Dasar Monetari Terhadap Peningkatan Hutang Isi Rumah Di Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-10 2015*, 539-546.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). (2013). GP25: *Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)*. 1-37.
- Triyuwono, I. (2000), Shari’ah Accounting: Implementation of Justice in a form of trust metaphor. *Journal of Accountancy and Auditing, Indonesia*, No. 4 (1), 1-34.
- Woon Chin Chan. (2008). The Important Of Cash Flow Statements. *Akauntan Nasional*. May. Vol 12, 19-20.
- Zaid, O.A. 1997. Accounting books and reports in the Islamic State. *Proceedings of the International Conference 1: Accounting Commerce and Finance: The Islamic Perspective*. Sydney, Australia.
- Zaharuddin Abd Rahman. (2010). *Riba Dan Isu Kewangan Semasa*. Telaga Biru Sdn Bhd.

RUJUKAN ELEKTRONIK

1. ABOUT AAOIFI, <http://aaoifi.com/about-aaoifi/?lang=en>
2. MASB To Help Develop Islamic Accounting Standards (14 Nov 2000), http://www.masb.org.my/press_list.php?id=132
3. Festival Antarabangsa Emas Dinar Dan Dirham 2017, <http://www.ukm.my/fpi/event/festival-antarabangsa-emas-dinar-dan-dirham-2017-international-festival-of-gold-dinar-dirham-2017/>
4. Notis Lelongan Barang Kemas Di Cawangan-Cawangan Ar-Rahnu Bank Islam, http://www.bankislam.com.my/home/?attachment_id=16404
5. Lelongan Awam AR-RAHN Februari 2018 (19.02.2018 - 28.02.2018), <http://arrahn.com.my/index.php/lelongan-awam-arrahn-feb-2018>
6. Households Under Microscope, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2014/11/30/households-under-microscope/>
7. Hutang Isi rumah Jejas Pertumbuhan - Harian Metro, <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20170324/282557313032008>
8. Savings Trend Among Malaysians Not Promising, <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/11/20/savings-trend-among-malaysians-not-promising/>
9. Dinarpal ar-Rahnu, <https://www.dinarpal.com/>